

14/02/2002

Pekung badan radikal Islam AS terdedah

PADA Oktober 1999, satu pendedahan dibuat mengenai seorang bekas tokoh politik berpengaruh yang dikatakan menggunakan kedudukannya bagi mewujudkan lebih 20 akaun induk bernilai RM3 bilion untuk mencapai cita-cita politiknya. Terbaru, Pengerusi Majlis Tertinggi Islam di Amerika Syarikat, Sheikh Muhammad Hisham Kabbani, kelmarin mendedahkan seorang bekas ahli politik Malaysia dikatakan pernah menyalurkan dana berjumlah AS\$10 juta (RM38 juta) bagi menyokong pergerakan pertubuhan radikal Islam di Amerika. Tanpa beliau mendedahkan nama sekalipun, tidak sukar untuk mengandaikan kaitan kedua-duanya dengan tokoh yang sama. Kalaupun sumbangan AS\$10 juta itu dianggap besar, ia masih kecil dibandingkan dengan jumlah dana akaun induk berkenaan.

Di Malaysia, tidak ramai yang berkemampuan sebesar itu atau sekurang-kurangnya berpengaruh mendapatkan wang berkenaan daripada pihak lain. Tidak ramai juga yang berupaya mempengaruhi pertubuhan radikal Islam di Amerika untuk memalukan pemimpin Malaysia. Inilah yang dilakukan Persatuan Islam Amerika Utara (Isna) yang membatalkan undangan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada menghadiri perhimpunan persatuan itu di Rosemont, Illinois, pada 1 hingga 4 September 2000, sesudah Perdana Menteri memberi persetujuan untuk hadir. Sebagaimana dihuraikan oleh Sheikh Muhammad Hisham kelmarin, sebab-musababnya termasuk alasan di sebalik banyak pertubuhan Islam di Amerika tidak menyenangi Dr Mahathir, sudah terpampang di depan mata. Tiada sebab untuk sesiapa meraguinya melainkan segelintir yang masih bersimpati dengan bekas ahli politik berkenaan.

(END)